

**PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	PENGUCAPAN AWAM
KOD KURSUS	:	MPU2233
TEMPOH	:	02 JAM

ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian : BAHAGIAN A (30 Soalan)
: BAHAGIAN B (12 Soalan)
: BAHAGIAN C (02 Soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan B. Jawab SATU (1) soalan daripada BAHAGIAN C.
 - i. Jawab BAHAGIAN A dalam Kertas Jawapan Objektif (OMR)
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi:
 - i. Kertas peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____

NO. ID. : _____

PENSYARAH : _____

SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 09 halaman bercetak termasuk muka hadapan

FEB2019/D/MPU2233

BAHAGIAN A :OBJEKTIF*Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif yang disediakan.*

1. (1 point)
Landskap bahasa digunakan untuk _____.
 - A. pembacaan.
 - B. menulis sesebuah cerpen.
 - C. memberi maksud bahasa bukan lisan.
 - D. mengukuhkan hujah dalam ucapan umum.

2. (1 point)
Apakah maksud rima yang digunakan dalam sesebuah pantun?
 - A. Rima ialah maksud.
 - B. Rima ialah pembayang.
 - C. Rima ialah irama di dalam sesuatu bentuk pantun.
 - D. Rima ialah bunyi yang ditimbulkan oleh huruf dan kata-kata dalam bait atau persamaan bunyi dalam puisi.

3. (1 point)
Bahasa dalam pengucapan awam merupakan alat untuk _____.
 - A. menyatukan idea.
 - B. menjadikan majlis tidak bosan.
 - C. mengukuhkan hubungan antara perucap dengan hadirin.
 - D. menyampaikan maklumat, bertukar pandangan dan berkomunikasi.

4. (1 point)
Perkataan yang manakah menunjukkan pandangan dan pendirian yang jelas lagi yakin?
 - A. Saya fikir
 - B. Saya rasa
 - C. Saya amat bersetuju
 - D. Pada pandangan saya

5. (1 point)
Apakah sebab utama penceramah lebih selesa menggunakan peribahasa dalam ucapannya?
 - A. Menggambarkan maksud tersirat.
 - B. Memendekkan sesuatu ucapan dengan peribahasa.
 - C. Memberikan makna di sebalik ucapan dasar yang disampaikan.
 - D. Mengamalkan budaya dan warisan tradisi Melayu dalam sesuatu ucapan.

6. (1 point)

Antara simpulan bahasa berikut yang manakah menggambarkan unsur tidak bermoral?

- i. Kaki judi
- ii. Kaki botol
- iii. Kaki ayam
- iv. Kaki bangku

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

7. (1 point)

Manakah antara berikut merupakan perkataan penyambung perenggan yang menunjukkan perbandingan?

- A. Kemudian
- B. Sebaliknya
- C. Seterusnya
- D. Ringkasnya

8. (1 point)

Bahasa baku merupakan bahasa yang _____.

- A. berbunyi kasar dan tidak sopan
- B. digunakan dalam loghat daerah
- C. seragam dalam bentuk dan fungsi
- D. tidak melibatkan protokol dalam majlis

9. (1 point)

"Memberi seseorang itu pancing adalah lebih baik daripada memberinya seekor ikan"
-Confucious-

Pernyataan dalam petikan di atas merupakan landskap bahasa jenis _____.

- A. tamsil
- B. simile
- C. pepatah
- D. kata-kata hikmah

10. (1 point)

Manakah antara berikut merupakan landskap bahasa jenis perbilangan?

- A. Biar lambat, asal selamat
- B. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa
- C. Ikut resmi padi, makin berisi semakin tunduk
- D. Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan merana

11. (1 point)

Apakah halangan luaran yang sering mengganggu penceramah?

- A. Tidak bersedia
- B. Hilang keyakinan diri
- C. Bunyi bayi menangis
- D. Berada dalam keadaan tidak selesa

12. (1 point)

Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan tanda-tanda seseorang itu gugup secara fisiologi ketika berucap?

- A. Bibir kering
- B. Perasaan risau
- C. Nadi bergerak laju
- D. Jantung berdegup kencang

13. (1 point)

Perbezaan dialek antara penduduk di Malaysia terjadi disebabkan _____.

- A. umur
- B. jantina
- C. geografi
- D. demografi

14. (1 point)

Antara berikut yang manakah merupakan halangan menjadi pengucap yang cemerlang?

- A. Menjaga masa yang ditetapkan
- B. Menggunakan alat bantu visual
- C. Melayani soalan serta pendapat hadirin
- D. Terlalu kerap menghalang bahan tayangan

15. (1 point)

Cara yang paling tepat bagi pengucap untuk mengawal rasa takut dan resah adalah dengan mengawal _____.

- A. emosi
- B. pergerakan
- C. pernafasan
- D. bahasa tubuh

16. (1 point)

Manakah antara berikut merupakan cara untuk menangani tekanan sewaktu berucap?

- A. Berucap paling akhir sekali.
- B. Datang tepat pada masa ke tempat ceramah.
- C. Bertemu dan bercakap dengan beberapa hadirin sebelum menyampaikan ucapan.
- D. Tidak perlu mengetahui latar belakang hadirin bagi mengelakkan rasa takut sewaktu menyampaikan ucapan.

17. (1 point)

Sebelum menjadi pendakwah yang baik dan mahir, kemahiran juga perlu _____.

- i. diasah
- ii. dibentuk
- iii. dipelajari
- iv. diberi pengalaman

- A. i dan ii.
- B. i dan iii.
- C. iii dan iii.
- D. i,ii,iii dan iv

18. (1 point)

Manakah antara berikut **BUKAN** perkara yang boleh dikawal oleh seseorang penceramah?

- A. Gementar.
- B. Bunyi bising.
- C. Deringan telefon bimbit.
- D. Bunyi muzik yang kuat.

19. (1 point)

Penceramah yang baik hendaklah _____ dalam menyampaikan ilmu.

- A. bijak
- B. mengambil hati
- C. memberikan masa rehat
- D. menjaga tutur kata yang sopan

20. (1 point)
Perkataan hadirin dalam bahasa Arab merujuk kepada _____.
- A. da'i
 - B. mad'u
 - C. khatib
 - D. maudhu'
21. (1 point)
Antara berikut yang manakah **BUKAN** penyampaian berbentuk perbincangan?
- A. Forum
 - B. Halaqah
 - C. Muzakarah
 - D. Khutbah Jumaat
22. (1 point)
Mengapakah pendakwah perlu meneliti latar belakang hadirin yang hadir?
- A. Mengetahui sifat, sikap dan fikiran hadirin.
 - B. Mengambil tahu kehidupan pada hadirin yang hadir.
 - C. Dapat memberikan input ceramah sesuai dengan latar belakang hadirin.
 - D. Dapat mengelak sesuatu yang bakal terjadi sekiranya hadirin yang hadir bertindak di luar dugaan.
23. (1 point)
Bahasa yang menggunakan unsur-unsur perspektif Islam adalah seperti berikut **KECUALI** _____.
- A. Perkataan yang menimbulkan takbur dalam diri pencemarah
 - B. Penggunaan kata-kata yang jelas maksudnya mengikut sumber yang betul
 - C. Setiap ucapan menggambarkan perucap mempunyai ilmu pengetahuan.
 - D. kata - kata yang lemah lembut sehingga menimbulkan kesan mendalam dalam hati hadirin
24. (1 point)
Sumber bagi isi ucapan seseorang da'i adalah berdasarkan _____.
- A. ustaz
 - B. al-Quran
 - C. buku cerita
 - D. muzakarah ahli politik

25. (1 point)
Apakah tujuan pergerakan tangan semasa menyampaikan ucapan?
- A. Membantu atau mengukuhkan ucapan lisan
 - B. Menunjukkan bahawa seorang penceramah itu hebat
 - C. Memastikan semua hadirin fokus kepada penceramah
 - D. Memberi kefahaman kepada mereka yang cacat pendengaran
26. (1 point)
Bagaimanakah cara da'i mengakhiri ucapan dengan baik dan berkesan?
- A. Menunjukkan emosi marah
 - B. Mengakhiri dengan sesi soal jawab
 - C. Memaparkan statistik kepada hadirin
 - D. Membuat sedikit *humor* kepada hadirin
27. (1 point)
Kekemasan diri semasa berucap secara langsung akan mempengaruhi _____.
- A. kebijaksanaan kepada hadirin
 - B. idea soal jawab kepada hadirin
 - C. keselesaan dan pandangan hadirin
 - D. keyakinan dan ketenangan dalam menyampaikan ceramah
28. (1 point)
Manakah antara berikut merupakan faktor pemilihan pakaian bagi seseorang pengucap?
- A. Latar belakang hadirin
 - B. Meyakinkan pendengar
 - C. Berasa selesa
 - D. Menambah keyakinan diri
29. (1 point)
Mengapakah pentingnya maklum balas audien ketika sesuatu pengucapan awam berlangsung?
- A. Tidak melalut
 - B. Sedar respon daripada hadirin
 - C. Tidak mengupas sesuatu isu terlalu lama
 - D. Mengetahui tahap penerimaan audien mengenai topik
30. (1 point)
Keberanian menggunakan sepenuhnya pentas menggambarkan pengucap yang _____.
- A. berani
 - B. menarik perhatian
 - C. berkeyakinan dalam ucapan
 - D. berkebolehan dalam komunikasi

BAHAGIAN B : STRUKTUR

Jawab *SEMUA* soalan dalam buku jawapan yang disediakan.

1. **(2 points)**
Berikan **DUA (2)** contoh gaya bahasa simile.
2. **(2 points)**
Jelaskan maksud perumpamaan dan berikan **SATU (1)** contoh.
3. **(2 points)**
Jelaskan secara ringkas maksud gaya bahasa personifikasi beserta contohnya.
4. **(3 points)**
Berikan **TIGA (3)** tanda kegugupan psikologi.
5. **(3 points)**
Jelaskan secara ringkas maksud halangan dalaman kepada penceramah.
6. **(3 points)**
Terangkan **TIGA (3)** langkah bagi mengelakkan halangan dalam pengucapan awam.
7. **(3 points)**
Nyatakan **TIGA (3)** ciri da'i yang beretika dalam pengucapan awam.
8. **(2 points)**
Berikan **DUA (2)** contoh pengucapan berbentuk perbincangan mengikut perspektif Islam.
9. **(3 points)**
Jelaskan **TIGA (3)** kepentingan penampilan diri dalam pengucapan awam.
10. **(2 points)**
Berikan **DUA (2)** kelakuan yang tidak boleh dilakukan ketika berucap.
11. **(2 points)**
Nyatakan **DUA (2)** jenis bahasa badan.
12. **(3 points)**
Terangkan **TIGA (3)** contoh pemakaian yang tidak wajar dipakai ketika menyampaikan ucapan dalam majlis rasmi.

BAHAGIAN C: KARANGAN

Jawab SATU (1) soalan sahaja. Panjang karangan anda tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

1. **(10 points)**

Anda telah diminta untuk menyampaikan ucapan yang bertajuk "bahaya gejala buli di sekolah dan langkah untuk mengatasinya". Tuliskan teks ucapan tersebut.

2. **(10 points)**

Anda dikehendaki menyampaikan satu syarahan bertajuk "Keselamatan negara merupakan tanggungjawab kita bersama". Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.